

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PELANCARAN PERTANDINGAN POSTER, LUKISAN DAN ESEI ONE WORLD - NO WAR"
Lokasi : BALAI SENI LUKIS NEGARA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 27-02-1991

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Azman Hashim, Pengerusi Balai Seni Lukis Negara; Yang Berbahagia Dato' Dr. R.S. McCoy, Setiausaha Malaysian Physicians for the Prevention of Nuclear War (MPPNW); Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Balai Seni Lukis Negara dan Malaysian Physicians for the Prevention of Nuclear War (MPPNW) kerana menjemput saya ke majlis ini. Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana kita dapat bersama-sama untuk menyaksikan pertandingan poster, lukisan dan esei "One World - No War" ini.

2. Kita sekarang berada dalam dunia yang penuh kebimbangan sungguhpun kita saling bergantung di antara satu sama lain.

Dalam tempoh 5000 tahun sejarah manusia yang diketahui, hanya 125 tahun sahaja yang bebas daripada peperangan.

Sungguhpun peperangan tidak bersudahan, manusia terus wujud di muka bumi ini. Keadaan inilah yang telah membuat kebanyakan manusia tersalah anggap bahawa peperangan merupakan sebahagian daripada susunan struktur urusan masyarakat dan survival.

3. Seperti yang Dr. McCoy telah nyatakan tadi, peperangan sekarang telah memasuki dimensi baru, semenjak bermulanya abad nuklear pada tahun 1945. Pengeboman Hiroshima dan Nagasaki telah memperlihatkan bahawa senjata nuklear bukan sahaja merupakan senjata untuk peperangan, tetapi juga untuk genosid.

4. Isu peperangan dan kedamaian memang kompleks, penuh dengan kontroversi dan emosi. Tetapi dalam era nuklear, isu ini ialah isu moral dan kita patut menghadapinya kerana senjata-senjata ini mempunyai kuasa untuk memusnahkan warisan tamadun terdahulu, imbalan sensitif ekologi dan potensi genetik generasi masa depan.

5. Kita mestilah memberi perhatian dan mengambil berat terhadap sebarang ancaman ke atas tamadun kita. Kita mestilah menerima hakikat bahawa manusia sekarang sedang menuju ke arah kehancuran -- membazir sumber-sumber yang terhad untuk mengeluarkan senjata yang membinasakan, yang semakin canggih, dan merampas peluang dan kemudahan makanan, air yang selamat, perumahan dan pemeliharaan kesihatan daripada mereka yang miskin dan melarat.

6. Dalam era nuklear ini, kita perlu merenung semula dengan ikhlas perihal peperangan. Kita perlu menyoal diri kita tentang beberapa isu yang kurang menyenangkan. Apakah yang perlu bagi membina dunia yang adil dan berperikemanusiaan? Apakah yang menghindarkan pembentukan nilai2 yang murni ini? Untuk menilai peperangan dengan sikap yang baru, kita mesti bersungguh-sungguh dengan hasrat untuk menghormati hak dan kemuliaan manusia serta kesucian hidup. Perkara ini berlawanan dengan sifat peperangan. Penilaian peperangan memerlukan penilaian yang melangkaui pemeriksaan senjata dan strategi ketenteraan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

7. Kedamaian bukanlah bermakna tidak adanya peperangan semata-mata. Ia juga bukan bermakna imbalan kekuatan tentera antara musuh. Sebaliknya kedamaian ialah 'enter- prise of justice' kerana ia merupakan hasil keharmonian dan keadilan dalam masyarakat. Dalam hal ini, Peperangan Teluk yang berlaku sekarang ini sekali lagi menekankan betapa pentingnya konflik manusia diselesaikan melalui

jalan damai.

8. Perdamaian antara negara memerlukan azam yang kuat, ketekunan, dedikasi dan ketabahan hati kerana ini adalah perjuangan yang berpanjangan dan mencabar. Melalui idea-idea dan keputusan yang dibuat dalam bidang politik, kebudayaan dan sosio-ekonomi, semua individu dan institusi mempunyai peranan tertentu dalam mengejar kedamaian.

9. Kebanyakan orang percaya kedamaian boleh dicapai tetapi sejarah telah mengajar kita bahawa kedamaian mutlak ialah impian dan tidak pernah dikecapi. Ia juga memberi ruang kepada kita untuk merenung dan berfikir mengenai peperangan dan kedamaian.

10. Malaysian Physicians For The Prevention of Nuclear War (MPPNW) dengan bantuan Balai Seni Lukis Negara memberi kita peluang berbuat demikian melalui pertandingan poster, lukisan dan esei di atas tema "ONE WORLD - NO WAR". Saya harap semua sekolah akan menggalakkan para pelajarnya mengambil bahagian untuk meluahkan perasaan mereka. Dunia mengharapkan kedamaian dan harapan ini perlu dinyatakan oleh setiap insan di alam ini, bukan sahaja di masa konflik seperti sekarang, tetapi pada setiap masa. Harapan ini boleh dinyatakan dengan mengadakan "taman bunga damai" ataupun "muzium damai" yang lebih bermakna daripada "muzium peperangan".

Tuan-tuan dan Puan-puan,

12. Akhir kata, saya mengucapkan syabas kepada MPPNW dan Balai Seni Lukis Negara kerana usaha gigih mereka dalam 'inisiatif damai' ini dan saya menyokong penuh usaha mereka.

Dengan ini saya dengan sukacitanya melancarkan Pertandingan Poster, Lukisan dan Esei "One World - No War" dengan rasminya.